



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 25 APRIL 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **99 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,762 kes** (65.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Justeru, bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah hampir dua kali ganda bilangan kes yang dilaporkan.

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 25 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **51 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,742 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,882 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 16 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat penambahan **dua (2)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **98** kes (1.71 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-97 (kes ke-2354) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 28 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 25 April 2020 jam 3.53 pagi.
- Kes kematian ke-98 (kes ke-2806) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes ke-1346 (yang merupakan anak beliau). Beliau telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 22 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 24 April 2020 jam 5.43 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

### **STATUS TERKINI KLUSTER *PERSON UNDER INVESTIGATION* (PUI) BALI DI KUANTAN**

KKM ingin memaklumkan status terkini Kluster PUI Bali di sebuah pusat perubatan di Kuantan yang telah melibatkan golongan pesakit dan anggota kesihatan.

Kes indeks (iaitu kes ke-4684) bagi kluster ini mempunyai sejarah perjalanan ke Bali, Indonesia. Kes indeks tersebut mempunyai kontak rapat dengan kes ke-1575 (iaitu abang kepada kes indeks) yang telah dimasukkan ke wad *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) pusat perubatan tersebut pada 19 Mac 2020 dengan gejala demam dan jangkitan saluran pernafasan.

Sehingga kini terdapat sebanyak 43 kes disahkan positif COVID-19 di dalam kluster ini, iaitu:

- 30 orang sedang dirawat di wad Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Pahang;
- sembilan (9) orang telah sembuh;
- seorang sedang dirawat di unit rawatan rapi;
- 3 orang telah meninggal dunia (iaitu kes ke-1575, kes ke-5064 dan kes ke-4129).

Sebanyak 2,301 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan, melibatkan anggota kesihatan dan pesakit dari pusat perubatan tersebut. Daripada 43 kes yang disahkan positif di dalam kluster ini, sebanyak sepuluh (10) orang adalah anggota kesihatan pusat perubatan. Langkah-langkah kawalan penularan jangkitan COVID-19 sedang giat dijalankan dengan kerjasama rapat KKM, termasuk proses dekontaminasi dan pemindahan pesakit ke hospital-hospital KKM yang berdekatan. Ini adalah untuk memastikan pusat perubatan tersebut selamat dan diyakini bebas daripada jangkitan COVID-19.

KKM ingin mengingatkan semua anggota kesihatan Kerajaan dan swasta tentang kepentingan untuk menggunakan alat penutup mulut dan hidung (*face mask*) terutamanya semasa mengendalikan kes-kes *Influenza Like Illness (ILI)* / *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)*. Selain itu, pemakaian alat pelindung diri (PPE) yang sesuai semasa melakukan sebarang prosedur klinikal adalah amat penting.

Semua anggota kesihatan dan barisan hadapan (*frontliners*) turut dinasihati untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti yang telah disarankan terutamanya dalam memastikan tangan sentiasa bersih, mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) di dalam dan luar tempat kerja serta pemakaian alat pelindung diri (PPE) mengikut keperluan.

## **NASIHAT KESIHATAN**

Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), didapati masih terdapat segelintir masyarakat yang ingkar kepada Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP). Diperhatikan juga, penduduk zon hijau mulai mengambil mudah situasi tiada kes baharu yang dilaporkan, dan ini sememangnya merisaukan KKM.

KKM juga khuatir masyarakat alpa lalu mengambil mudah nasihat-nasihat kesihatan yang telah dikeluarkan kerana memikirkan bahawa wabak ini hampir selesai. Pada hakikatnya, peperangan menentang musuh yang tidak kelihatan ini masih belum tiba ke penghujungnya. Oleh itu, KKM menyeru kepada semua masyarakat termasuk mereka di kawasan yang diistiharkan sebagai zon hijau agar tidak leka dan kekal mematuhi PKP. Virus COVID-19 adalah musuh kita bersama, namun harus diingat bahawa kelalaian dan sikap ambil mudah masyarakat pula adalah sekutu kepada virus ini.

Masyarakat juga perlu mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain di samping mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

25 April 2020 @ 4.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 25 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>95</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>119</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>252</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>1</b>	<b>1,388</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>0</b>	<b>433</b>
<b>MELAKA</b>	<b>0</b>	<b>192</b>
<b>JOHOR</b>	<b>0</b>	<b>655</b>
<b>PAHANG</b>	<b>1</b>	<b>288</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>110</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>0</b>	<b>311</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>10 (1)</b>	<b>478</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>39 (2)</b>	<b>1,154</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>0</b>	<b>78</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>51 (3)</b>	<b>5,742</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import